

SINAR HARIAN 9/11/2015

## Bayar hutang Pusat dahulu

**KUALA TERENGGANU** – Kerajaan negeri diminta membayar hutang kerajaan pusat terlebih dahulu sebelum meminta kerajaan pusat melangsaikan hutang kerajaan negeri.

Tanpa mendedahkan jenis hutang terbabit, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman tahu mengenai hutang dinyatakan itu.

“Tentu juga mana-mana keperluan yang patut dibayar kita akan bayar. Sebelum itu, bayar hutang kami (pusat) dulu. Beliau (Ahmad Razif) tahu apa hutangnya,” katanya ketika menyampaikan ucapan Perasmian Penutup Konvensyen Umno Terengganu 2015, di Primula Beach Hotel, di sini.

Terdahulu, Ahmad Razif ketika berucap pada majlis sama, memohon kerajaan pusat membayar hutang kerajaan Terengganu melibatkan hutang Lebuhraya Pantai Timur sebanyak RM1.85 bilion dan Universiti Sultan Zainal

Abidin (Unisza) sebanyak RM160 juta.

Menurutnya, Terengganu adalah satu-satunya negeri yang masih tidak dibayar hutang oleh kerajaan pusat.

Jelasnya, jika kerajaan membayar hutang tersebut, pihaknya turut memberi jaminan untuk menghadiahkan 32 kerusi Dun dan lapan Parlimen kepada pusat pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau memberitahu, sekalipun hutang tersebut tidak dibayar, pusat boleh mendahulukan bayaran melibatkan sejumlah wang milik Kerajaan Terengganu.

“Paling tidak, pastikan kehilangan duit kerajaan negeri dikembalikan kerana tahun ini sahaja kita hilang RM600 juta dan tahun hadapan saya congak-congak dan kira-kira, kita akan hilang RM900 juta.

“Jadi kalau begini keadaannya, maka pistol kita ada, bunyi tak kuat mana apatah lagi kalau peluru tidak ada. Kita ‘tok rok’ (sengkek) benar dah,” katanya.